



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

### ISU DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA KHUSUSNYA BAGI MELINDUNGI MEREKA YANG MEMPUNYAI KETIDAKUPAYAAN SAMA ADA SECARA FIZIKAL ATAUUPUN MENTAL

1. Kementerian Sumber Manusia mengambil berat tentang diskriminasi di tempat dan dalam tempoh pekerjaan khususnya bagi mereka yang mempunyai ketidakupayaan sama ada secara fizikal ataupun mental. Sebagai salah satu langkah bagi membanteras diskriminasi di tempat dan dalam tempoh pekerjaan, pindaan telah dibuat ke atas Akta Kerja 1955 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Satu peruntukan baharu iaitu seksyen 69F telah dimasukkan ke dalam akta tersebut di mana Ketua Pengarah Tenaga Kerja diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa pertikaian berkaitan isu diskriminasi berkaitan pekerjaan.
2. Berdasarkan peruntukan baharu tersebut, adalah satu kesalahan sekiranya majikan gagal mematuhi keputusan Ketua Pengarah Tenaga Kerja berkaitan diskriminasi di tempat kerja dan jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 dan sekiranya kesalahan masih berterusan, boleh dikenakan denda lanjutan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari kesalahan.
3. Selain itu, isu diskriminasi juga boleh dibangkitkan sebagai pertikaian perusahaan dan aduan boleh dibuat di bawah seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 oleh kesatuan sekerja. Manakala bagi pekerja yang tidak mempunyai kesatuan sekerja, mereka boleh memfailkan aduan berhubung pelanggaran terma dan syarat perkhidmatan atau apa-apa isu lain yang berkaitan pekerjaan, termasuk diskriminasi melalui pelbagai kaedah termasuk melalui surat, e-mel, Sistem Pengurusan Aduan Awam, aplikasi *Working for Workers* atau hadir sendiri ke Pejabat Tenaga Kerja yang berdekatan.

4. Setakat 30 September 2023, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menerima lapan (8) aduan berkaitan isu diskriminasi iaitu dua (2) aduan diskriminasi berkaitan bayaran tunai dan enam (6) aduan diskriminasi berkaitan selain bayaran tunai. Semua aduan berkenaan telah disiasat dan telah selesaikan. Aduan yang diterima tidak berkaitan dengan ketidakupayaan sama ada secara fizikal ataupun mental.
5. Justeru, Kementerian ini berpandangan tiada keperluan mendesak untuk merangka suatu legislatif khas berhubung diskriminasi di tempat dan dalam tempoh pekerjaan khususnya bagi melindungi mereka yang mempunyai ketidakupayaan sama ada secara fizikal ataupun mental. Peruntukan perundangan sedia ada adalah memadai untuk mengatasi masalah berkenaan. Pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dipertingkatkan bertujuan supaya semua pihak iaitu pekerja dan majikan arif tentang hak dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan persekitaran kerja yang bebas diskriminasi.
6. Kementerian Sumber Manusia juga menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan melaksanakan program berhubung isu kesihatan mental di tempat kerja dengan menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 secara menyeluruh di tempat kerja bertujuan untuk menggalakkan persekitaran kerja yang sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi pekerja. Jabatan akan menyiasat sebarang kes berkaitan isu kesihatan mental di tempat kerja yang dilaporkan oleh majikan, pengamal perubatan dan pekerja.
7. Kementerian Sumber Manusia sentiasa prihatin dan komited dalam memastikan semua pekerja mendapat akses kepada keadilan dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana majikan yang melanggar hak pekerja mereka.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
16 OKTOBER 2023**